



# PEJABAT SETIAUSAHA KERAJAAN NEGERI PULAU PINANG

---

## KENYATAAN TAWARAN

NO. SEBUTHARGA : Bil. PSUKPP/27/2019

Tawaran adalah dipelawa daripada syarikat-syarikat yang berdaftar dengan Sistem Perolehan Negeri Pulau Pinang (sysP) dan Kementerian Kewangan Malaysia di bawah kod bidang **020402 (Peralatan dan Perkakasan Domestik)** yang masih sah tempoh lakunya dibenarkan membuat tawaran pada masa ini bagi perkhidmatan berikut:

### **“PERKHIDMATAN MEMBEKAL DAN MENYELENGGARA PERALATAN *HYGIENIC*/KEBERSIHAN DAN PERSEKITARAN UNTUK PEJABAT KETUA MENTERI, PEJABAT EXCO DAN PEJABAT SETIAUSAHA KERAJAAN, KOMTAR PULAU PINANG”**

2. Syarikat-syarikat yang berminat untuk menyertai tawaran ini dikehendaki mendaftar dengan Sistem Perolehan Negeri Pulau Pinang dan Kementerian Kewangan Malaysia dalam bidang berkaitan. Hanya syarikat-syarikat yang telah berdaftar dengan Sistem Perolehan Negeri Pulau Pinang boleh mendapatkan **Borang Sebut Harga melalui laman Portal Rasmi Sistem Perolehan Negeri Pulau Pinang**.
3. Dokumen sebut harga boleh dibeli dengan harga **RM 10.00** secara *online* dan dimuat turun melalui Sistem Perolehan Negeri Pulau Pinang (sysP) mulai **7 Mei 2019 (Selasa) bermula jam 9.00 pagi**.
4. Dokumen Sebut Harga yang telah dilengkapkan hendaklah dimasukkan ke dalam sampul surat yang berlakri serta ditandakan No. Sebut Harga di sebelah kanan atas sampul surat. Dokumen sebut harga tersebut mestilah sampai **sebelum @ pada 13 Mei 2019 (Isnin) jam 12.00 tengah hari** dan dimasukkan ke dalam Peti Sebut Harga di **Pejabat Setiausaha Kerajaan Negeri Pulau Pinang, Bahagian Khidmat Pengurusan, Paras 25, KOMTAR, 10503 Pulau Pinang**. Tawaran yang dikemukakan selepas masa dan tarikh yang ditetapkan tidak akan dipertimbangkan.
5. **Bukti Penghantaran Tidak Dianggap Sebagai Bukti Penerimaan** dan semua kos berkaitan dengan Tawaran Sebut Harga di atas adalah menjadi tanggungjawab kontraktor terbabit. Pejabat Setiausaha Kerajaan Negeri Pulau Pinang tidak tertakluk menerima mana-mana tawaran terendah, tertinggi atau sebarang tawaran. Pejabat Setiausaha Kerajaan Negeri Pulau Pinang berhak untuk membatalkan atau menunda atau menggantung tawaran di atas sebelum atau selepas tarikh dan masa tutup tawaran tanpa menyatakan sebab di atas keputusan tersebut.
6. Setiap tawaran harga adalah sah bagi tempoh **90 hari** dari tarikh peti sebut harga ditutup. Iklan ini juga boleh diakses melalui iaman web <http://ep.penang.gov.my>

YB. Setiausaha Kerajaan  
Pejabat Setiausaha Kerajaan  
Negeri Pulau Pinang